

**PERANAN KOPERASI DALAM MENANGANI MASALAH  
ANGGOTA-ANGGOTANYA TUMPUAN DI DAERAH  
LARUT, MATANG DAN SELAMA**

**MARDIAH BT. ABDUL RAHMAN  
HANIZAH HT. ABDUL HANIF  
ASMAH BT. ZAINUDDIN**

**KAJIAN PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNGANG  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
SRI MANJUNG, PERAK**

**KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI DIPLOMA  
DALAM PENTABDIRAN AWAM**

**1999**

## PENGHARGAAN

Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada Encik Mohd. Fauzi Mohd. Harun selaku Penyelia dan Pengerusi Jawatankuasa Pemeriksaan kertas projek ini kerana kesanggupan beliau meluangkan masa dan tenaga untuk memberi tunjuk ajar dalam menyiapkannya.

Penghargaan yang tidak terhingga juga ditujukan kepada Maktab Kerjasama Malaysia, Biro Perkhidmatan Angkatan Koperasi Malaysia khususnya di bahagian pendidikan dan juga Jabatan Pembangunan Koperasi Daerah Larut Matang & Selama.

Penghargaan juga ditujukan kepada pihak pentadbiran dan pengurusan Koperasi Pegawai-pegawai Kerajaan Taiping Berhad terutamanya kepada Anggota Lembaga Pengarah dan Kakitangan Koperasi yang banyak membantu di dalam menyediakan bahan-bahan rujukan seperti buku dan majalah, seterusnya juga telah membantu kami dalam mengumpulkan data yang diperlukan untuk kajian ini.

Juga tidak ketinggalan kepada anggota-anggota Koperasi Pegawai-pegawai Kerajaan Taiping Berhad dari pelbagai jabatan yang sudi bekerjasama di dalam menjawab soalan kaji selidik yang telah diedarkan.

Penghargaan juga ditujukan kepada semua pegawai-pegawai dan orang perseorangan dari jabatan-jabatan berikut:-

## **SYNOPSIS**

The basic principle of the cooperative movement is to motivate its members in accordance to the government's move. Nevertheless, this principles has been abused by the members whereby most of them seems to be borrowing more than saving. This problem has been a burden to the members and the government. The purpose of saving has not been fruitful. And it is more frustrating into realizing that most of this group has been borrowing not for beneficial purpose. In order to overcome this and make them realize several steps and regulations has been enforced. It is by way of educating the members into realizing the real role of a cooperation. Several organizations has been established by the government such as Maktab Kerjasama Koperasi, Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia and Jabatan Pembangunan Koperasi which plays their role into educating the members. Nevertheless till to date, their aim into making the members realize has not been fruitful, although various steps have been taken. Therefore in order to make this group realize, an effective approach must be taken to change their attitude towards being free from the burden of borrowing but on the other hand increase their attitude of saving.

## **KANDUNGAN**

### HALAMAN

HALAMAN JUDUL	I
PENGAKUAN	II
PENGHARGAAN	III
SINOPSIS BAHASA MALAYSIA	V
SINOPSIS BAHASA INGGERIS	VI
KANDUNGAN	VII
SENARAI JADUAL	XI
SENARAI CARTA	XII
SENARAI SINGKATAN	XIII
SENARAI LAMPIRAN	XIV
BAB	
I PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan dan Pernyataan Masaalah	1
1.2 Objektif Kajian	3
1.3 Hipotesis	4
1.4 Metodologi	5
1.5 Skop Kajian	5
1.6 Kepentingan Kajian	6

## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan Dan Pernyataan Masalah**

Perkembangan Gerakan Koperasi adalah seiring dengan kemajuan tamadun manusia itu sendiri. Sebenarnya sifat ‘berkerjasama’ merupakan unsur penting dalam berkoperasi lahir daripada tabiat semulajadi manusia. Manusia ditahap awal perkembangan masyarakatnya mula berkerjasama dalam menguruskan kehidupan seperti sifat suka berkumpulan semasa mencari makanan, membuat tempat perlindungan dan lain-lain.

Koperasi merupakan suatu organisasi yang dimodali secara bersama. Modal Koperasi dikumpul daripada mereka yang berpendapatan tinggi sehingga yang berpendapatan sederhana dan hasil keuntungan yang diperolehi diagihkan sama rata tanpa memilih status. Berbanding dengan pihak swasta yang dimodali secara bersendirian dan keuntungannya dimiliki oleh pemegang-pemegang saham syarikat sahaja.

Disini Koperasi mengajar kita untuk bekerjasama diantara satu sama lain untuk faedah bersama. Manusia yang kurang berkemampuan akan bergabung bagi tujuan untuk meninggikan kepentingan ekonomi mereka. Kerajaan juga cuba memberi kesedaran tentang mustahaknya berjimat cermat bagi membanteras inflasi.